



PERUTUSAN DEKAN 2019

FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT (FEM) USIM

PERUTUSAN DEKAN BAHARU FEM 2019

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda dan para Sahabat RA.

Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang ditubuhkan bagi melahirkan profesional Muslim yang berpengetahuan, kompeten, kreatif dan beramanah dalam bidang muamalat Islam telah meneroka dan merintis pelbagai usaha dan program bagi mencapai objektif penubuhan fakulti ini. Kini, FEM telah mula dikenali, dihormati dan disegani dalam pelbagai aspek sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Namun begitu, usaha yang lebih gigih dan bersepadu perlu diteruskan dan dilaksanakan dari masa ke masa oleh semua warga FEM sama ada dalam kalangan ahli akademiknya mahupun para mahasiswanya supaya ia terus kekal relevan, dirujuki dan dihormati. Menjadi warga di menara gading sama ada sebagai ahli akademik ataupun mahasiswa pada masa kini bukanlah sesuatu yang istimewa seperti yang disanjung oleh masyarakat pada suatu ketika dahulu. Kini, pelbagai cabaran perlu ditempuhi bagi memenuhi pelbagai tuntutan semasa dari pihak pemegang taruh, industri dan masyarakat awam yang sentiasa berubah. Ini memerlukan *tasawwur*, pandangan alam, sikap dan cara bekerja yang berbeza yang sebelum ini biasa diamalkan dan difahami oleh semua warga fakulti.

Sebagai sebuah Fakulti yang juga bertanggungjawab dalam mendokong usaha dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli yang bukan merupakan agenda dan keperluan mana-mana pihak lain di negara ini dan hanya unik kepada USIM, tentunya cabaran yang dihadapi oleh warga FEM melebihi dan tidak sehebat berbanding ahli akademik dan mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini. Kefahaman dan pengaplikasian yang jelas dalam aspek integrasi ilmu Naqli dan Aqli amat penting bagi menjayakan Visi dan Misi USIM dalam bidang muamalat Islam yang amat terdedah kepada cedokan daripada fahaman konvensional dan kapitalis. Dalam hal ini, warga FEM harus mempraktikkan amalan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dengan mendalam dalam pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat bagi mencapai matlamat yang digariskan sejak kelahiran USIM dan Fakulti ini. Tentunya kerjasama, kolaborasi dan usaha gigih daripada semua staf FEM yang melebihi 80 orang amat diperlukan bagi menjayakan Objektif dan Visi FEM demi kemaslahatan ummah. Ahli akademik FEM diseru untuk terus fokus dan mengembleng daya dan tenaga bagi mencapai visi ini dalam memperkukuhkan perkembangan dan perkongsian ilmu dan dapatan kajian mengikut kebolehan dan kepakaran masing-masing.

Para mahasiswa juga harus sedar bahawa menuntut ilmu di pusat pengajian tinggi pada masa kini bukan lagi seperti zaman dahulu yang terjamin peluang pekerjaannya selepas sahaja tamat pengajian namun, pelbagai kemahiran dan kompetensi tambahan perlu selalu ditambah terutama dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang memberi kesan dalam interaksi manusia dengan manusia yang lain di alam pekerjaan dan dalam transaksi perniagaan yang bersifat global. Dalam pada itu, pihak Fakulti memahami bahawa kerjasama yang erat dengan pihak-pihak luar yang berkepentingan adalah amat penting bagi mencapai semua objektif dan visi yang dicita-citakan.

Pihak Fakulti membuka peluang kerjasama seluas-luasnya kepada semua pihak luar dalam industri yang berkaitan untuk sama-sama menjayakan objektif penubuhan FEM dalam bidang muamalat, perakaunan Islam, pemasaran Islam, pentadbiran korporat Islam serta perbankan dan kewangan Islam.

Pihak Fakulti mendoakan agar semua pihak dapat menjayakan usaha murni ini dalam mengembang dan meninggikan ilmu pengetahuan yang berasaskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli agar mencapai ke puncaknya dan mampu memberi manfaat kepada mahasiswa, pemegang taruh serta masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini. Sesungguhnya, hanya dengan rahmat dan belas kasihan dari Allah SWT sahaja segala usaha yang dipenuhi dengan pelbagai cabaran ini mampu dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai matlamatnya. Semoga segala usaha baik yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan matlamat ini mampu mendapat keampunan dan rahmat dari Allah SWT serta diberikan ganjaran yang sebaiknya di dunia dan akhirat demi mencapai redha-Nya yang hakiki. *Amin.*

Prof. Madya Dr. Muhammad Ridhwan Bin Ab. Aziz
Dekan
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia

MESSAGE FROM THE NEW DEAN OF FEM 2019

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, all praises and thanks be to Allah SWT, the most Gracious and Most Merciful. Blessings and prayers be upon His Messenger Prophet Muhammad SAW, his family members and his companions.

Faculty of Economics and Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) which has been established to produce knowledgeable, competent, creative and trustworthy Muslim professionals in the field of Muamalat, has explored and pioneered various efforts and programs to achieve the objectives of the Faculty. Now, FEM has begun to be known, referred and respected in various aspects nationally and internationally. However, more intensive and integrated efforts need to be continued and implemented from time to time by FEM's community members either from academic staffs or students so that it remains relevant, referred and respected. Being a member of the community at ivory tower either as an academic or student today is not as special as what the society once perceived. Nowadays, various challenges need to be addressed to meet the current demands of the ever-changing stakeholders, industries and societies. This requires different *tasawwur*, worldview, attitude and way of working that was previously practiced and understood by all Faculty members.

As a Faculty that is also responsible in supporting efforts in the integration of the Naqli and Aqli knowledge, which is not the agenda and needs of other parties in the country and unique only to USIM, of course, the challenges faced by FEM's community are greater compared to those faced by academicians and students in other institutions of higher learning in the country. A clear understanding and application in the aspect of integration of Naqli and Aqli knowledge is crucial to ensure the success of USIM's vision and mission in the field of Islamic Muamalat which is very vulnerable to adoption of conventional and capitalist thought. In this regard, FEM staff should practice proficiency in Naqli and Aqli knowledge for the integration in teaching and learning, supervision, research, publications, consultation and community service to achieve the goals outlined since the birth of USIM and the Faculty. Obviously, the effort, collaboration and hard work of all FEM staff of more than 80 people are indispensable in achieving FEM's objectives and vision for the benefit of the ummah. The academicians in FEM are encouraged to continue focusing and strengthening their effort and expending energy to achieve this vision in strengthening the development and sharing of knowledge and research findings according to their abilities and expertise.

Students should also be aware that learning at higher learning institutions today is no longer similar as in the previous time where job opportunities were guaranteed after completion of studies, but extra skills and competencies need to be added especially towards the Fourth Industrial Revolution, which affects human interactions with other people in the realm of work and in global business transactions. In the meantime, the Faculty understands that close and good cooperation with external parties is of paramount importance to achieve all the aspirations. The Faculty provides the widest opportunities of cooperation to all external parties in the relevant industry to jointly achieve the objectives of FEM in the fields of Islamic Muamalat, Islamic

Accounting, Islamic Marketing, Islamic Corporate Administration as well as Islamic Banking and Finance.

The Faculty hopes that all parties will succeed in pursuit of this noble effort in expanding and elevating knowledge based on the integration of Naqli and Aqli knowledge in order to reach its peak and be able to benefit students, stakeholders, Muslim and non-Muslim communities in the country. Indeed, only with the mercy of Allah SWT alone, all the efforts accompanied with these challenges can be successfully implemented and the goals achieved. May all the good efforts given by all parties in achieving these goals receive forgiveness and mercy of Allah SWT and be rewarded with the best in the world and the Hereafter in order to accomplish the ultimate redha. *Amin.*

Associate Professor Dr Muhammad Ridhwan Bin Ab. Aziz
Dean
Faculty of Economics and Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia

رسالة من عميد كلية الاقتصاد والمعاملات 2019

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته ،

الحمد لله ، والله الحمد ، والحمد لله سبحانه وتعالى ، واسع الرحمة للعالمين ، فهو الرحمن الرحيم. الحمد والتحية على النبي محمد صلى الله عليه وسلم العظيم ، وعلى آل أفراد أسرته الطيبين وأصحابه الكرام البررة.

كلية الاقتصاد والمعاملات (FEM) ، بجامعة العلوم الاسلامية الماليزية (USIM) التي تم إعدادها لإنتاج المهنيين المسلمين الذين هم على دراية، اختصاصية وخلاقة وجديرة بالثقة في مجال المعاملات الإسلامية تم استكشاف الجهود والبرامج الرائدة لتحقيق أهداف هذه الكلية. الآن ، بدأت FEM تُعرف وتُحترم وتُحترم في مختلف الجوانب سواء على المستوى الوطني أو الدولي. ومع ذلك ، هناك حاجة لمزيد من الجهود المكثفة والمتكاملة التي يجب أن تستمر وتنفذ من وقت لآخر من قبل جميع أعضاء الجمعية سواء أكانوا أكاديميين أو طلابهم حتى يظلوا ذوي صلة وموهوبين ويحترمون. إن كونك مواطناً في برج عاجي سواء أكان طالباً أكاديمياً أو جامعياً اليوم ليس مميزاً تماماً كما قال المجتمع ذات يوم. في الوقت الحاضر ، هناك تحديات مختلفة يجب معالجتها لتلبية المطالب الحالية لأصحاب المصلحة والقطاعين والمجتمعات في القطاع العام المتغير باستمرار. وهذا يتطلب سلوكاً مختلفاً وطبيعاً وموقفاً وطريقة عمل كان يمارسها جميع أعضاء هيئة التدريس من قبل.

ونتيجة لأعضاء هيئة التدريس والتي هي أيضا مسؤولة عن دعم جهود في الدمج بين العلمين النقلي والعقلي ليس هذا هو جدول الأعمال ومتطلبات أي طرف آخر في البلاد، وفريدة من نوعها لUSIM، وبطبيعة الحال، فإن التحديات من قبل المواطنين فيما واجهت مرارا العديد من التحديات الكبيرة مقارنة مع الأكاديميين و الطلاب في مؤسسات التعليم العالي الأخرى في البلاد. هناك فهم واضح وتطبيق المعرفة من حيث التكامل النقلي والعقلي حاسمة لتحقيق رؤية ورسالة USIM في مجال معاملات الإسلامية معرضة جدا لمسح الحكمة التقليدية والرأسماليين. في هذه الحالة، يجب على المواطنين أن يمارسوا النقلي ممارسة FEM والتكامل النقلي والعقلي مع التدريس بعمق والتعلم والإشراف والبحوث

والمشورات والاستشارات وخدمة المجتمع من أجل تحقيق الأهداف المحددة منذ نشأة USIM وأعضاء هيئة التدريس. بالطبع ، لا غنى عن التعاون ، والتعاون ، والسعي من جميع موظفي FEM لأكثر من ثمانين 80 شخصاً في تحقيق أهداف FEM ورؤيتها لصالح الأمة. يتم تشجيع الأكاديميين في FEM على مواصلة تركيز وتعزيز الطاقة والطاقة لتحقيق هذه الرؤية في تعزيز تطوير وتبادل المعرفة ونتائج البحوث وفقاً لقدراتهم وخبراتهم.

ويكون للطلاب أيضاً الإدراك والوعي أن الذين يدرسون في التعليم العالي في الوقت الحاضر لم يعد مثل الأيام الخوالي من فرص العمل مضمونة بعد التخرج مباشرة ولكن يجب أن يدركوا إضافة ما إلى ذلك يمكن إضافة مجموعة متنوعة من المهارات والكفاءات المتنوعة، خصوصاً في مواجهة تأثير 4.0 الثورة الصناعية على التفاعل البشري مع أشخاص آخرين في مجال العمل وفي معاملات الأعمال التجارية العالمية. في غضون ذلك ، يدرك أعضاء هيئة التدريس أن التعاون الوثيق مع أصحاب المصلحة له أهمية قصوى لتحقيق جميع التطلعات والطموحات. أعضاء هيئة التدريس فرصة التعاون على أوسع نطاق ممكن لجميع أطراف خارجية في الصناعات ذات الصلة لتحقيق مشترك أهداف FEM في معاملات، المحاسبة الإسلامية، والتسويق الإسلامي، وإدارة الشركات الإسلام والخدمات المصرفية الإسلامية والتمويل.

وتأمل هيئة التدريس في أن تنجح جميع الأطراف في السعي إلى هذا الجهد النبيل في توسيع وتعزيز المعرفة القائمة على دمج المعرفة العقلية والعقلية من أجل الوصول إلى ذروتها وتكون قادرة على الاستفادة من الطلاب وأصحاب المصلحة والمجتمعات الإسلامية وغير الإسلامية في البلاد. في الواقع ، فقط مع رحمة الله سبحانه وتعالى ورحمة الله وحده ، يمكن تنفيذ جميع الجهود المليئة بهذه التحديات بنجاح وتحقيق هدفها. يمكن لجميع الجهود الجيدة التي بذلتها جميع الأطراف في تحقيق هذا الهدف أن تكون قادرة على الحصول على غفران ورحمة الله سبحانه وتعالى وأن تكون المكافآت مع الأفضل في العالم والآخرة لتحقيق أقصى رضا. آمين.

الأستاذ المشارك الدكتور محمد رضوان عبد العزيز
عميد كلية الاقتصاد والمعاملات
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية